



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel : 06-2895000
Faks : 06-2345201 / 5202 / 5207
Web : www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 (24)
Tarikh : 14 April 2023
Bersamaan : 23 Ramadan 1444H

Ketua Pusat Tanggungjawab/Pusat Pembayar

Tuan,

**ARAHAN KERJA BIL. 22/2023/O : BAYARAN AWAL EMOLUMEN BULAN
APRIL 2023 SECARA PRORATED KEPADA PEGAWAI LANTIKAN MYSTEP
DAN KONTRAK YANG BERGAJI HARIAN ATAU BULANAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat dari Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 13 April 2023.

2. Untuk makluman pembayaran gaji MyStep bagi bulan April 2023 adalah secara *prorated* iaitu bagi tempoh 01 sehingga 14 April 2023 yang telah disarankan pembayarannya sebelum Hari Raya Aidilfitri. Manakala bagi tempoh 15 sehingga 30 April 2023 pula dibayar pada awal bulan Mei 2023. Justeru, **kaedah pembayaran awal ini adalah secara Arahan Pembayaran (K6). Pembayaran awal ini tidak mengambil kira caruman KWSP dan PERKESO** yang mana bayaran caruman tersebut perlu dibuat pada awal bulan Mei 2023 bersekali dengan baki pembayaran emolument melalui Sistem Gaji Berkomputer atau Arahan Pembayaran. Pihak tuan juga bertanggungjawab untuk mengutip semula sekiranya berlaku lebihan bayaran emolument dalam tempoh tersebut bagi menampung bayaran kepada KWSP dan PERKESO.

3. Oleh itu, bagi memastikan bayaran diterima sebelum Hari Raya Aidilfitri, pihak tuan perlu menyelesaikan proses gaji sehingga peraku 2 **selewat-lewatnya pada 17 April 2023 (Isnin)**. Sila maklumkan Nombor Arahan Pembayaran dan Kod PTJ kepada Unit Pengurusan Dana untuk semakan segera. Bagi tujuan penyeragaman, perihal bayaran yang telah ditetapkan oleh jabatan ini adalah **Gaji MyStep 01-14 April 2023**.

4. Namun begitu, sekiranya pegawai MyStep tidak bersetuju menerima separuh gaji ini, pihak tuan perlu mendapatkan pengesahan dari pegawai tersebut dan mengajukan pengesahan ke alamat emel gaji_mlk@anm.gov.my **selewat-lewatnya pada 17 April 2023 (Isnin)**.

5. Sehubungan dengan itu, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan tiada kelewatan bayaran awal emolumen ini dengan mengambil kira Cuti Umum Hari Raya Aidilfitri.

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M), CPA (Aust))

Pengarah Negeri,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.

\\MLK-XPE-01\fs_operasi\FS_GAJI\2023\SURAT MENYURAT\PEMBUKAAN OVER BAJET OS17000\BAYARAN GAJI MYSTEP APRIL 2023.doc

PENGESAHAN BAYARAN AWAL EMOLUMEN BULAN APRIL 2023

Kepada :

.....(Gelaran Ketua Jabatan)

.....(Nama Jabatan)

.....

Saya(Nama Pegawai),

Nombor Kad Pengenalan.....dari

.....(Nama PTJ)

bersetuju / tidak bersetuju bayaran gaji bulan April 2023 saya dibayar secara penuh /
separuh.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan

.....

Nama :

Nombor Kad Pengenalan :